

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @  
MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**NO. SOALAN : 246**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

- a) apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memantapkan lagi penggunaan Teknologi Informasi dan Komunikasi (*Information and Communication Technology - ICT*) di kalangan usahawan luar bandar dan belia di seluruh negara dan apakah jenis-jenis kursus yang telah disediakan bagi maksud ini; dan
- b) jenis peranti (misalnya tablet) yang disediakan kepada golongan sasaran ini bagi mengikuti perkembangan ekonomi semasa serta trend perbankan semasa (*current banking trend*).

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat,

- a) Kementerian telah melancarkan program Desamall@Online pada 21 Oktober 2017 di Karnival Usahawan Desa (KUD) 2017 di Putra World Trade Center (PWTC) Kuala Lumpur sebagai salah satu langkah bagi membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka secara dalam talian melalui portal e-dagang 11street.

Melalui Desamall@Online, usahawan luar bandar diberi kursus serta latihan secara *hands-on* atau praktikal untuk memudahkan mereka memasarkan produk-produk desa yang dahulunya dipasarkan secara *offline* atau runcitan, tetapi kini telah menembusi pasaran nasional sehingga ke peringkat antarabangsa.

Antara latihan ini yang disediakan di dalam program ini adalah termasuk kaedah penjualan produk melalui platform 11street, *copy-writing*, promosi, pemasaran dan teknik-teknik mengambil gambar produk dengan baik.

Selaras dengan hasrat ini, Kementerian mensasarkan sebanyak **1,000** usahawan luar bandar mula berniaga secara dalam talian sehingga tahun 2018 dengan jumlah **peningkatan pendapatan sehingga 30% setahun.**

Kementerian dengan kerjasama strategik iaitu Celcom Axiata Berhad, 11street dan Pos Malaysia akan sentiasa berusaha dalam merangka strategi untuk melahirkan lebih ramai usahawan digital luar bandar.

- b) Bagi memastikan usahawan luar bandar ini tidak ketinggalan, melalui DesaMall@Online mereka turut dilatih menggunakan peranti seperti telefon pintar iaitu *android* dan *iphone* untuk membuat penyenaian produk (*product listing*) di dalam laman sesawang/ portal e-dagang 11street.

Sehubungan itu, usahawan DesaMall@Online ini turut dilatih untuk menguruskan jualan secara dalam talian (*online*) disamping membuat tempahan melalui payment gateway seperti ipay88, molpay, perbankan elektronik atau *online banking* selaras dengan trend perbankan semasa.